

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Sukan
Sent: 28 Mac 2016 17:04
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Mohd Sofian Bin Omar Fauzee
Subject: Pasukan Futsal Wanita Tempat Ketiga Di Pusingan Kelayakan Liga Futsal IPT (LFIPT) 2016



28 MAC 2016 / 19 JAMADILAKHIR 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**PASUKAN FUTSAL WANITA TEMPAT KETIGA DI PUSINGAN KELAYAKAN LIGA FUTSAL INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI (LFIPT) 2016**



PSUKAN ONLINE : Pasukan futsal wanita berjaya di tempat ketiga dalam Pusingan Kelayakan Liga Futsal Institusi Pengajian Tinggi (LFIPT) 2016 baru-baru ini bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak.

Dalam perlawanan suku akhir, UUM menang 1-0 bertemu pasukan dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) seterusnya melayakkan UUM ke pusingan separuh akhir bertemu pasukan tuan rumah UPSI.

Di peringkat separuh akhir pula, UUM tewas 0-2 dengan UPSI sekaligus UUM menduduki tempat ketiga bersama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM 300.00.

Kedudukan ini telah melayakkan pasukan UUM untuk ke Liga Divisyen Wanita LFIPT 2016 yang akan berlangsung pada 19 hingga 23 Mei ini bertempat di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan 1 hingga 5 September di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak.

Sementara itu, pasukan futsal lelaki hanya layak di pusingan kedua setelah tewas dengan UPSI 4-2.

Habis.

=====
DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my